

ABSTRAK

Di dalam mana-mana organisasi, baik organisasi awam atau swasta, penyelidikan lepas telah menemui bahawa golongan pekerja yang kerap mengalami stress dan sering terdedah kepada punca-punca stress ialah golongan pekerja yang bekerja di peringkat bawahan seperti operator pengeluaran di kilang-kilang. Mereka yang berada di posisi ini adalah golongan pekerja yang sentiasa terikat dengan kerja yang memerlukan komitmen dan tumpuan yang menyeluruh. Kesilapan dan kegagalan melakukan kerja dengan baik yang dilakukan oleh operator pengeluaran menyebabkan mereka terpaksa melakukan kerja-kerja tersebut berulang-ulang kali.

Oleh yang demikian, mekanisme daya tindak merupakan usaha yang boleh dilakukan oleh individu untuk mengurus atau mengendalikan tuntutan dan masalah yang dihadapi. Ia merujuk kepada tingkahlaku yang digunakan oleh seseorang untuk mengelakkan diri dari kemudaratan atau ancaman yang disebabkan oleh stress. Ini bermakna mekanisme daya tindak adalah cara atau sebarang pola tingkahlaku yang diambil oleh seseorang untuk menangani stress.

Penyelidikan tentang stress dan mekanisme daya tindak ini telah dilakukan di OMRON Malaysia Sdn. Bhd (OMB) dengan tujuan untuk mengetahui tahap-tahap stress operator pengeluaran dan juga mekanisme daya tindak mereka apabila berdepan dengan masalah stress. Selain itu ia juga turut mengkaji jenis personaliti para pekerja serta tahap kepuasan kerja mereka di OMRON. Ini penting kerana ia secara tidak langsung menjadi penyumbang kepada tahap stress seseorang pekerja itu.

Keputusan hipotesis penyelidikan ini menunjukkan bahawa mekanisme daya tindak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap stress responden. Manakala faktor jantina turut mempengaruhi mekanisme daya tindak responden terhadap stress yang di alami mereka. Ini kerana kedua-duanya menunjukkan hubungan yang signifikan. Selain itu, tempoh perkhidmatan turut mempengaruhi jenis personaliti responden kerana keputusan analisis menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di tempoh perkhidmatan dengan jenis personaliti responden. Oleh yang demikian, secara tidak langsung keputusan penyelidikan ini adalah berbeza dengan penemuan beberapa kajian yang telah dikaji oleh para pengkaji lain.